

NO SOALAN :62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG
(BATU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.03.2015

Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apa bukti yang Kerajaan mempunyai bahawa Tong Kooi Ong terlibat dalam spekulasi yang menjatuhkan nilai ringgit. Adakah benar bahawa ringgit jatuh kerana spekulasi. Jika tidak, apakah sebab lain kejatuhan ringgit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain turut mengalami

penyusutan nilai antara 1.1% sehingga 10.1% berbanding dolar AS bagi tempoh September 2014 hingga 5 Mac 2015. Pengukuhan dolar AS ini adalah disebabkan oleh prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

2. Menerusi Bank Negara Malaysia, Kerajaan akan memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing ringgit dan mengelakkan turun naik yang ketara dalam kadar pertukaran. Ini adalah penting memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang sangat terbuka dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang tinggi. Usaha-usaha yang dilaksanakan untuk membangunkan dan memperdalamkan pasaran pertukaran asing dalam negeri dari segi saiz dan instrumen telah membolehkan peniaga tempatan untuk berlindung daripada terdedah kepada ketidakstabilan kadar pertukaran melalui perlindungan nilai.